

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 23 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1142-L3524
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah dengan jumlah atau bilangan Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara yang ada dalam negara kita sekarang .Apakah ianya dapat menjamin kedaulatan dan keselamatan negara jika kita diserang oleh musuh.
2. PN-1142-L3331
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan agar kos untuk menunaikan ibadah haji ditanggung sepenuhnya oleh jemaah haji yang ingin mengerjakan ibadah tersebut tanpa memberikan subsidi tambang yang boleh menjejaskan dividen pencarum tabung haji yang lain.
3. PN-1142-L3432
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar, langkah-langkah dan perancangan-perancangan Kerajaan untuk menggalak atau jika boleh mewajibkan syarikat-syarikat besar termasuk yang tersenarai di Bursa Malaysia untuk mengagihkan sebahagian daripada kontrak yang mereka peroleh kepada kontraktor kecil khususnya kontraktor Bumiputera yang mempunyai 'track record' kerja yang baik.
4. PN-1142-L3636
Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai peraturan (peruntukan) untuk membenarkan pengusaha-pengusaha filem tempatan menggunakan lokasi-lokasi penggambaran di seluruh negara yang di bawah Kementerian.

5. PN-1142-L3649
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian dalam menjadikan peranan media elektronik dan media massa dalam membantu dan menyokong agenda pembangunan nasional negara.
6. PN-1142-L2948
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penyertaan usahawan wanita dalam Skim PROSPER khususnya dalam perniagaan pemborongan dan peruncitan.
7. PN-1142-L3300
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kementerian sedar Zoo Negara dewasa ini berada dalam keadaan yang amat daif sekali. Apakah perancangan jangka panjang dan pendek Kementerian bagi memulihkan semula masalah tersebut.
8. PN-1142-L3393
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan meminda Akta Kerja 1955 bagi mewajibkan majikan bertindak segera terhadap sebarang aduan daripada pekerja yang mengalami gangguan seksual di tempat kerja.
9. PN-1142-L3514
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana maklum balas penonton terhadap versi baru Bernama TV yang telah dilancarkan pada pertengahan April lalu.
10. PN-1142-L3104
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan terkini serta nyatakan latihan yang telah dilalui oleh bakal dua orang angkasawan negara sebelum mereka berlepas ke stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) kendalian Amerika Syarikat dan Rusia.
11. PN-1142-L3179
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian akan membiayai sepenuhnya atau sebahagian sahaja jika melaksanakan arahan bahawa penternak secara kecil-kecilan hendaklah mengurung ternakan seperti ayam dan itik dalam sangkar bagi mengelakkan jangkitan penyakit selepas burung-burung dari merebak.

12. PN-1142-L3472
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha serta bantuan yang diberikan oleh Kerajaan bagi membantu usahawan-usahawan untuk memulakan perniagaan di dalam bidang ICT serta membina keupayaan usahawan kecil di dalam bidang ICT ini supaya mereka menjadi lebih dinamik dan kompetitif agar hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab ICT dan multimedia antarabangsa terkemuka yang setanding dengan India dan China.
13. PN-1142-L3365
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mendaftar pengguna-pengguna CCTV kerana penggunaannya yang meluas dan canggih boleh mengakibatkan salah guna dan ancaman kepada kebebasan sivil.
14. PN-1142-L3216
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara Malaysia yang masih belum memperoleh "MyKad".
15. PN-1142-L3012
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapakah Dasar Wanita Negara mahu dirombak kembali. Apakah perkara-perkara baru yang akan dimasukkan dalam dasar itu nanti.
16. PN-1142-L3559
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan untuk memantap atau memartabatkan profesional pengurusan adakah Institut Pendidikan Perguruan (IPG) bercadang untuk menambah lebih masa latihan praktikal dari latihan teori kerana apa jua yang dipelajari secara teori di institusi tidak sama atau jauh berbeza dengan pelaksanaan di sekolah.
17. PN-1142-L3138
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mempromosi Melaka Bandaraya Bersejarah di dalam dan di luar negeri sebagai destinasi pusat pelancongan negara kita sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
18. PN-1142-L2983
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tahap kualiti perkhidmatan syarikat teksi di KLIA dan bagaimana perkhidmatan itu dapat dipertingkatkan untuk mengelak pengguna berbaris panjang dan menunggu lama untuk mengguna perkhidmatan teksi KLIA.

19. PN-1142-L3096
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang akan diambil di Institut Latihan Kemahiran Tinggi Belia Negara(IKTBN) pada setiap sesi pengambilan.
20. PN-1142-L3571
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewajibkan semua hospital swasta supaya menunaikan kewajipan sosial mereka iaitu memberi rawatan kepada pesakit kecemasan walaupun mereka gagal membayar deposit.
21. PN-1142-L3480
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan Unit Penguatkuasaan Kebersihan Sungai seperti unit penguat kuasa agensi-agensi yang lain supaya dapat diambil tindakan terhadap orang perseorangan (individu) dan syarikat-syarikat yang didapati menyebabkan pencemaran sungai.
22. PN-1142-L3086
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan usahawan asas tani kaum India yang mendapat bantuan pinjaman daripada Bank Pertanian dan usaha-usaha Kementerian untuk menggalakkan penyertaan belia-belia India dalam sektor pertanian di mana disasarkan sebanyak 10,000 usahawan asas tani akan dilahirkan pada tahun 2010.
23. PN-1142-L3598
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan perundingan kerjasama di antara Proton dan Volkswagen.
24. PN-1142-L3185
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hanya 22% rakyat negara ini yang mengamalkan gaya hidup sihat dengan bersukan di mana statistik ini jelas menunjukkan tahap yang amat membimbangkan. Apakah tindakan yang telah dan akan di ambil Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
25. PN-1142-L3046
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hak-hak pekerja Islam yang telah diberikan dan dikuatkuasakan di bawah Akta Pekerja dan berapa banyak kah bilangan kes hak ini telah dilanggar oleh majikan swasta yang telah dilaporkan dan dikendalikan oleh Mahkamah Industri setakat ini.

26. PN-1142-L3117
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan silibus PTK yang bersifat "exam-oriented" dapat membentuk suatu modal insan yang cemerlang dan mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan.
27. PN-1142-L3444
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) hingga ke hari ini selain 30 buah Sekolah Kluster perintis yang telah diumumkan, berapakah jumlah sekolah lain yang memohon diiktiraf berada dalam kelompok sekolah cemerlang (KSC) dan apakah 'niche area' sekolah-sekolah tersebut; dan
 - (b) berapakah kos yang perlu dibelanjakan oleh pihak Kementerian untuk merealisasikan Sekolah Kluster dengan jayanya.
28. PN-1142-L3123
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perancangan dan hala tuju terbaru Kementerian terhadap penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn selepas membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG).
29. PN-1142-L3356
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah peratusan kejadian jenayah yang berlaku di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang pada tahun 2006 dan sehingga awal 2007. Apakah langkah-langkah pencegahan dan pemantauan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah tersebut.
30. PN-1142-L3004
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan tempat letak kereta di kawasan bandar. Apakah syarat yang dikenakan kepada pemaju yang membina bangunan melebihi satu tingkat dalam menyediakan kemudahan tempat letak kereta.
31. PN-1142-L3398
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara jelas apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan Mahkamah Syariah mewajibkan perceraian tertutup secara mutlak dan automatik bagi kes-kes perceraian serta kes-kes berkaitan keluarga Islam.

32. PN-1142-L3608
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah dana pembiayaan yang telah disediakan oleh Kerajaan di dalam membantu peniaga-peniaga MARA dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan sehingga Mei 2007.
33. PN-1142-L3283
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah akibat terhadap negara serta tindakan segera Kerajaan terhadap langkah Amerika Syarikat yang meletakkan Malaysia ke dalam Tier 3 kerana aktiviti pemerdagangan orang. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kedudukan Malaysia turun dari Tier 3 Watchlist kepada Tier 3 walaupun baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan Orang sebagai satu usaha membendung aktiviti tersebut.
34. PN-1142-L3544
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian sedar dengan kebanjiran drama Indonesia yang membawa cerita cinta remaja di sekolah dan kolej dan drama Filipina sering membawa tema keganasan dan dendam yang berpanjangan. Apakah ia tidak mempengaruhi para pelajar atau remaja kita yang memang mempunyai krisis identiti dan dengan fenomena ini ia seolah-olah membenarkan atau menghalalkan episod ini berlaku pada diri mereka; dan
 - (b) apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi menggalakkan pengeluaran tempatan menerbitkan drama berunsur kisah kanak-kanak, contoh dan tauladan dan apa jua yang sesuai ditayangkan di negara ini bagi membentuk sahsiah warga negara yang positif.
35. PN-1142-L3299
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang berjaya diberi biasiswa JPA pada tahun ini mengikut kursus-kursus yang ditawarkan.
36. PN-1142-L3270
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai bangunan Kerajaan yang dilaporkan menghadapi masalah kekurangan dan kebocoran mulai Januari 2007 dan usaha-usaha Kementerian setakat ini untuk menangani masalah-masalah berkenaan.
37. PN-1142-L3167
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dewasa ini kita digemparkan dengan berita mengenai seorang Ustazah / guru yang mati dirogol dan dibunuh dengan kejam di sebuah kawasan pedalaman. Bagaimanakah Kementerian menjamin keselamatan guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman ini.

38. PN-1142-L3256
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes yang diambil tindakan mahkamah di bawah undang-undang jenayah siber.
39. PN-1142-L3390
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang telah dan akan diambil Kerajaan bagi menghalang saham Maxis Berhad dijual kepentingannya kepada negara luar terutamanya Singapura sekiranya cadangan untuk di milik peribadikan menjadi kenyataan.
40. PN-1142-L3119
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa jumlah pegawai-pegawai yang berkelulusan undang-undang dan di bahagian manakah mereka ini ditempatkan dalam Angkatan Tentera Malaysia memandangkan tiadanya kor undang-undang.
41. PN-1142-L3153
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan kakitangan awam yang memilih Skim KWSP sebagai ganjaran persaraan mereka kelak.
42. PN-1142-L3014
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Bank Negara memantau dan boleh mengambil tindakan terhadap bank swasta yang tidak melaksanakan dasar Kerajaan seperti membantu usahawan Bumiputera, usahawan IKS dan peluang pekerjaan yang seimbang.
43. PN-1142-L3237
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-
- (a) sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengadakan Malaysian Week Festival di negara-negara lain seperti yang dibuat oleh Kementerian di London baru-baru ini ; dan
 - (b) adakah Malaysian Week Festival ini dapat memberi sumbangan yang banyak kepada pendapatan dan imej negara.
44. PN-1142-L3208
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kepentingan yang termaktub dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010) untuk sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara.

45. PN-1142-L3561
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan Kempen Budi Bahasa adalah satu kempen yang berterusan atau sepanjang masa. Apakah ciri-ciri yang diterima pakai oleh Kementerian bagi mengenal pasti bahawa kempen ini telah berjaya dan apakah nilai tambah yang perlu diterap bagi memantapkan lagi kempen ini.
46. PN-1142-L3620
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan memastikan semua Kementerian dan jabatan Kerajaan mengamalkan budaya belanja berhemat kerana terdapat banyak pembaziran dari segi upacara perasmian yang menelan belanja yang banyak serta penyediaan makanan yang melebihi keperluan.
47. PN-1142-L3500
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan di negeri Sabah khususnya, tandas awam masih lagi berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan dan berbau busuk. Ini akan merencatkan kempen Tahun Melawat Malaysia. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan.
48. PN-1142-L2968
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah boleh diwartakan sebagai agensi pelaksana Persekutuan serta pengisian jawatan ditetapkan oleh pihak Kementerian untuk memastikan program mencari bakat akan sentiasa berterusan.
49. PN-1142-L3376
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bilangan perkampungan atau kediaman Orang Asli yang digazet sebagai kawasan untuk dikunjungi pelancong dan adakah cadangan mewujudkan program 'homestay' yang berterusan di perkampungan yang terpilih.
50. PN-1142-L3612
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai pengerusi OIC dan NAM dalam meredakan konflik di Palestin, Iran, Afghanistan yang rata-ratanya berkaitan dengan ancaman kuasa besar Amerika. Kenapakah OIC gagal mengatasi sengketa puak Hamas-Fatah.
51. PN-1142-L3327
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Rapid KL akan mula beroperasi di Pulau Pinang sejak mengambil alih sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang.

52. PN-1142-L3060
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sama ada bencana alam seperti banjir baru-baru ini menjejaskan minat pelancong ke Malaysia dan pendekatan-pendekatan terbaru untuk meningkatkan kemasukan pelancong dalam setengah tahun kedua bermula Julai 2007.
53. PN-1142-L3373
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) bentuk-bentuk bantuan yang telah disalurkan dalam meningkatkan modal insan berkualiti di kalangan wanita ; dan
 - (b) sejauh manakah peranan dan keberkesanan pelaksanaan program "Satu Keluarga Satu Kaunselor" boleh meningkatkan tahap kualiti kekeluargaan.
54. PN-1142-L3413
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian membekalkan senarai nombor telefon agensi-agensi dan lain-lain dokumen yang akan membolehkan pekerja-pekerja dari luar negara yang bekerja di Malaysia melaporkan secara terus apabila pekerja ini dianiaya oleh majikan masing-masing.
55. PN-1142-L3625
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapakah kadar tol untuk terowong lebih tinggi daripada tol di lebuhraya yang lain dan berapakah jumlah perbelanjaan membina Terowong SMART serta kos yang ditanggung Kerajaan. Apakah ada 'clause' yang memungkinkan pihak konsesi menaikkan tol dan memanjangkan tempohnya di masa akan datang.
56. PN-1142-L3476
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi mengelakkan pengusaha kedai sedia ada yang telah puluhan tahun beroperasi agar tidak gulung tikar akibat wujudnya operasi pasar raya mega yang tumbuh seperti cendawan lepas hujan, kita tidak mahu membawa sesuatu pembaharuan tapi pada masa yang sama ia menjejaskan orang lain.
57. PN-1142-L3312
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha dan galakkan Kerajaan untuk memastikan pendaftaran sebagai pengundi bagi 4.9 juta rakyat Malaysia yang belum mendaftar. Apakah halangan dan kesusahan yang akan dihadapi oleh Kerajaan sekiranya rakyat yang berumur 21 tahun didaftarkan sebagai pengundi secara automatik.

58. PN-1142-L3304
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan hasil lawatan ke Eropah bulan lalu dalam membanteras kempen memburuk-burukkan industri minyak sawit.
59. PN-1142-L3333
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan dagangan saham syariah dan 'second-board' di Bursa Malaysia. Mengapa tiada lonjakan yang memberangsangkan berbanding dengan saham di papan utama.
60. PN-1142-L3579
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebagai penandatanganan kepada 'Global Agenda 21' di 'Earth Summit' di Rio de Janeiro pada tahun 1992, Malaysia mempunyai obligasi untuk mewujudkan program untuk Nasional Agenda 21 setelah 15 tahun berlalu namun masih tiada program sedemikian diwujudkan lagi. Apakah halangan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam merealisasikan agenda ini dan bilakah ianya boleh diwujudkan.
61. PN-1142-L3573
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan implikasi pelaksanaan percukaian GST ke atas peniaga serta langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.
62. PN-1142-L3065
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah untuk mengatasi kemerosotan mendadak jumlah pendaratan ikan di Tok Bali dari tahun 2004 berbanding tahun 2005 dari 7949.32 tan metrik kepada 3290.26 tan metrik ; dan
 - (b) bagaimanakah memastikan LKIM merangka program bagi memastikan dan mengatasi sumber protein negara dalam jangka masa 30 tahun akan datang yang menjamin keberkesanan industri perikanan negara khususnya dalam menjadikannya alternatif popular sumber tenaga kerja bagi golongan muda.
63. PN-1142-L2965
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah pemeliharaan ayam sabung di kawasan majoriti warga asing.

64. PN-1142-L3471
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah program-program yang telah diaturkan oleh pihak Kementerian di dalam kurikulum universiti di Malaysia demi meningkatkan kemahiran berkomunikasi, sahsiah diri, keusahawanan dan keintelektualan di kalangan mahasiswa.
65. PN-1142-L3058
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah diberikan kepada keluarga tahanan ISA sejak ia diperkenalkan bagi menjaga kebajikan ahli keluarga tahanan tersebut dan apakah jaminan bahawa mereka akan diberikan keutamaan dalam mendapat bantuan Kerajaan setelah penyara hidup mereka ditahan tanpa bicara; dan
 - (b) apakah bentuk latihan dan kemahiran yang diberikan kepada tahanan ISA.
66. PN-1142-L3450
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah ciri-ciri yang perlu ada pada pengetua/guru besar bagi merealisasikan Sekolah Kluster atau kelompok sekolah cemerlang (KSC) menjadi penanda arus kepada sekolah lain dan setanding sekolah terkemuka di negara maju; dan
 - (b) bagaimanakah pihak sekolah dan Kementerian dapat menterjemah strategi Sekolah Kluster kepada tindakan secara bersepadu.
67. PN-1142-L3335
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli.
68. PN-1142-L3507
Datuk Chew Vun Ming minta **PERDANA MENTERI** menyatakan masalah kemiskinan di negeri Sabah masih lagi berlaku. Ramai golongan yang miskin masih tidak mendapat bantuan yang sewajarnya. Adakah pihak Kerajaan telah mengambil langkah untuk membantu golongan ini.
69. PN-1142-L2991
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan mengatasi isu pinjaman wang dari agensi-agensi Kerajaan seperti KWSP bagi menjana tabung pinjaman PTPTN yang nampaknya pada masa ini telah gagal mendapat balik wang pinjaman PTPTN.

70. PN-1142-L3266
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak KLIA bagi mendapat pengiktirafan Green Globe 21 (GG21) selama tiga tahun berturut-turut dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan pengiktirafan ini.
71. PN-1142-L3182
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah pihak berkuasa terutamanya pihak PDRM lambat mengambil tindakan apabila menerima aduan di mana saban hari terdapat banyak aduan yang terpapar di dada akhbar tempatan.
72. PN-1142-L3506
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah aliran wang yang telah dibelanjakan sempena Karnival Jualan Mega sejak tahun 2003.
73. PN-1142-L3031
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai mana-mana peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas bapa/lelaki yang tidak bertanggungjawab bagi mengelak gejala pembuangan bayi berlaku.
74. PN-1142-L3589
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan di dalam membantu pelajar-pelajar lepasan Institut Pengajian Tinggi Swasta yang mana sijil yang mereka peroleh tidak diiktiraf oleh JPA dan apakah langkah Kerajaan di dalam membendung isu tidak diiktiraf ini serta apakah bidang kuasa Lembaga Akreditasi Negara (LAN) di dalam membendung permasalahan ini daripada berlaku.
75. PN-1142-L3664
Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah senjata api dalam semua jenis yang telah berjaya dirampas antara tahun 2003 hingga Mei, 2007 mengikut negeri dan jumlah mereka yang ditangkap serta hukuman yang telah dan dalam tindakan mahkamah serta strategi terkini bagi menangani isu tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.15/2007) Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".**
(19 Julai 2007)
[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

2. (D.R.21/2007) Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007
[Perdana Menteri] **Bacaan Kali Yang Kedua**

3. (D.R.36/2007) Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007
[Perdana Menteri] "

4. (D.R.34/2007) Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007
[Menteri Kewangan] "

5. (D.R.35/2007) Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007
[Menteri Kewangan] "

6. (D.R.31/2007) Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007.
[Menteri Kewangan] "

7. PN-1142-U3023
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaras kajian tersebut."
(Menteri Wilayah Persekutuan)

8. PN-1142-U3024

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

(Menteri Kerja Raya)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.127	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.128	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.129	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara (MSN) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.130	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RRIM – Consult Corporation Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.131	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RRIM – Consult Corporation Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.132	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RRIM – Consult Corporation Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.133	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RRIM – Consult Corporation Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.134	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.135	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.136	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007
ST.137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	23 Julai 2007